



PERUTUSAN TAHUN BAHARU  
**2012**  
**NAIB CANSELOR**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
MEMPERKASAKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK UiTM

31 Januari 2012  
Dewan Agong Tuanku Canselor

Kita juga wajib berusaha agar kualiti dan prestasi Allah ta'ala dalam  
Jata Masyarakat yang berkaitan dengan Kebudayaan dan Sains dan Teknologi  
Mendekati dan membangun masyarakat yang berdaya saing dan  
berorientasi ke arah pembangunan berdaulat.

Berikut posisikan raja, kerajaan dan para ahli akademik dan teknologi  
Menteri Penganggaran Negara Malaysia, dalam memberi maklumat kepada

# Kandungan

## Mukadimah

- 
- 02 “2012: Memperkasakan Kecemerlangan Akademik UiTM”
  - 06 Pengurusan dan Pembangunan Akademik
  - 21 Pengurusan dan Pembangunan Pelajar
  - 25 Pengurusan dan Pembangunan Kakitangan
  - 29 Pengurusan Kewangan
  - 31 Pencapaian dan Perancangan VCSP dan UePMO
  - 33 Hubungan Akademia, Industri, dan Masyarakat

## Hala Tuju Strategik UiTM

- 
- 35 Mengubah Destini Anak Bangsa
  - 37 Penyelidikan dan Inovasi
  - 41 Pembangunan dan Pengurusan Aset
  - 45 Peranan CITU (*Center of Islamic Thought and Understanding*)
  - 46 Penutup

# Mukadimah: “2012: MEMPERKASAKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK UiTM”

**Bismillahirrahmanirrahim.** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh; Salam Sejahtera; Selamat Tahun Baharu 2012; dan UiTM Sentiasa di Hatiku.

Yang saya hormati, Tan Sri Datuk (Dr.) Haji Arshad Ayub, Pro-Canselor UiTM; serta seluruh warga UiTM yang saya kasihi sekalian; Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya, saya dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan, untuk majlis Perutusan Tahun Baru Naib Canselor 2012, sama ada di Dewan Agong Tuanku Canselor ini, mahu pun sahabat-sahabat kita warga UiTM yang berada di kampus-kampus satelit dan juga kampus-kampus cawangan di seluruh negara.

Saya ucapkan jutaan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, yang memberi semangat, sokongan, serta harapan, yang kita semua sanggup menggalas tanggungjawab untuk menghadapi tahun 2012 dan tahun-tahun mendatang dengan penuh yakin untuk menjayakan visi dan misi UiTM.

UiTM sekarang menawarkan sejumlah **347** program pengajian dalam sembilan peringkat, iaitu **Pra-Diploma, Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Profesional, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana, Doktor Falsafah** serta **Post-Doctoral**.

Kita juga wajib bersyukur, atas keamanan yang dianugerahkan Allah ke atas negara kita Malaysia yang tercinta ini. Kita berterima kasih kepada semua rakyat Malaysia, terutamanya pasukan polis dan tentera, serta yang lain-lainnya, yang mana, dengan penuh keberanian dan semangat perwira, menjaga kedaulatan tanah air kita ini.

Secara peribadi pula, saya berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, kerana memberi kepercayaan kepada saya, untuk menerajui UiTM ini untuk tempoh dua tahun lagi. Dengan peluang ini saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk sama-sama perhebatkan peranan kita menjana graduan UiTM agar kualitinya bertambah tinggi lagi.

**Hadirin sekalian;** Pada 26 Januari yang lepas, saya telah hadir untuk mendengar Amanat Tahun Baharu 2012 oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohd Khaled Nordin, di Putrajaya. Beliau telah bercakap tentang peranan Pengajian Tinggi dalam pembangunan negara dengan bertemakan ‘Berfikiran Global, Bertindak Lokal.’

Tema ini dipilih adalah sebagai satu penegasan bahawa langkah yang paling tepat untuk membina modal insan berilmu dan berkemahiran tinggi; menjalankan penyelidikan yang bermakna; dan menghasilkan inovasi berimpak besar adalah dengan bertindak untuk kepentingan pembangunan, kemajuan dan transformasi negara.

Apa yang dapat saya rumuskan ialah, YB Menteri telah bercakap tentang transformasi dan penambahbaikan kualiti akademik di semua peringkat IPT bagi menghasilkan modal insan yang berpengetahuan tinggi, unggul dan syumul untuk negara dan juga dunia. Itulah juga hala tuju kita, harapan saya dan peranan kita semua.





Saya juga amat berbesar hati dapat mengalu-alukan Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Arshad Ayub, yang hadir bersama-sama kita pada pagi ini, bukan sahaja sebagai Pro Canselor, tetapi sebagai, apa yang saya sifatkan sebagai ‘Bapa Kepada Pembangunan UiTM’. Beliau sudah bersama organisasi ini sejak tahun 1965 lagi, tetapi cinta dan kasih sayangnya terhadap UiTM tidak pernah luntur. Itulah yang saya katakan perjuangan dan sumbangan ikhlas anak bangsa terhadap agama, bangsa dan negara.

Kepada semua kakitangan UiTM, terutamanya yang muda-muda, cubalah lihat dan fahami sejarah universiti ini. Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, sehingga sekarang, setiap inci pembangunannya adalah bersebab. Setiap inci ruangnya adalah untuk membangunkan bangsa yang amat memerlukan pendidikan dan bimbingan. Bangunan-bangunan, ruang-ruang, dan segalanya dalam UiTM adalah perjuangan. *Every sense of UiTM's existence*, adalah wawasan pemimpin-pemimpin negara, satu amanah kerajaan dan juga harapan rakyat. Lihatlah ia dengan akal, jangan hanya melihat dengan pandangan kosong. Bagi saya, kehadiran Tan Sri Arshad Ayub bersama kita hari ini, adalah sebagai satu manifestasi terhadap sejarah dan perjuangan bangsa kita untuk UiTM.


Sebelum saya melangkah jauh dengan perutusan ini, elok saya paparkan beberapa fakta tentang universiti kita.


**Pertama;** UiTM sekarang menawarkan sejumlah 347 program pengajian dalam sembilan peringkat, iaitu Pra-Diploma, Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Profesional, Diploma Lepasan Ijazah, Sarjana, Doktor Falsafah serta *Post-Doctoral*.

**Kedua;** Enrolmen pelajar kita kini berjumlah **174,875** orang yang merangkumi pelajar sepenuh masa, Pengajian Luar Kampus, dan Program Pembelajaran Fleksibel. Jumlah ini belum lagi mengambil kira pelajar INTEC (*International Education College*) dan Kolej-Kolej Bersekutu. Dari jumlah tersebut, **69,474** berada di Shah Alam dan kampus-kampus satelit di sekitarnya. Manakala, lebih 105 ribu orang pelajar berada di kampus-kampus cawangan. Daripada jumlah itu juga, **41.3%** adalah pelajar peringkat Sarjana Muda, **47.5%** pelajar Diploma, **4.5%** pelajar sarjana dan PhD, dan selebihnya pelajar-pelajar pra-diploma dan asasi, profesional, dan diploma lepasan ijazah.

**Ketiga;** Dari jumlah **17,535** kakitangan, sebanyak 48.6% atau **8,516** orang adalah kakitangan akademik, dan 51.4% atau **9,019** orang adalah kakitangan pentadbiran profesional, sokongan dan pelaksana. Itulah keadaan dan kekuatan anggota kita buat masa ini, untuk kita pacu potensinya, bagi mengangkat UiTM ini ke martabat yang tertinggi mungkin.

Justeru, dengan berbekalkan amanat YB Menteri serta perbincangan dengan pelbagai pihak, maka, Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor 2012 ini, saya akan beri tumpuan kepada peningkatan mutu akademik, dengan bertemakan “**2012: Memperkasa Kecemerlangan Akademik UiTM.**”





## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

Dengan tema “2012: Memperkasa Kecemerlangan Akademik UiTM”, marilah kita juruskan setiap nadi dan kudrat kita ke arah kecemerlangan akademik universiti ini. Saya percaya, kecemerlangan akademik akan menghasilkan kecemerlangan graduan, dan semua kecemerlangan ini bermula dengan kualiti kurikulum universiti kita. Oleh itu, sebagai langkah pertama, marilah kita terus mantapkan dan tinggikan kualiti kurikulum kita di semua peringkat.

Kita mahukan graduan kita berilmu, berkebolehan praktis, berkemahiran dalam kepimpinan, berkeusahawanan, bekerja secara berpasukan, mahir berkomunikasi, berpemikiran kritis,

**Kita mahukan graduan kita berilmu, berkebolehan praktis, berkemahiran dalam kepimpinan, berkeusahawanan, bekerja secara berpasukan, mahir berkomunikasi, berpemikiran kritis, mahir menyelesai masalah, bermoral, dan beretika profesional.**

.....

mahir menyelesai masalah, bermoral, dan beretika profesional. Untuk melahirkan graduan sebegini, kita perlu membentuk kurikulum yang dinamik dan menawarkan program-program baru yang futuristik, perlu sentiasa menyemak semula kurikulum lama agar lebih relevan, mengekalkan atau meningkatkan kualiti program sedia ada, dan menamatkan program-program yang sudah tidak relevan.

Apa yang akan kita lakukan ini, memerlukan staf akademik yang pakar, serta disokong penuh oleh staf pentadbiran yang juga berilmu dan efisien. Kita akan pastikan kedua-dua kumpulan staf ini mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang-bidang teras serta tugas masing-masing, serta fasih dalam Bahasa Inggeris.

Bagi para pensyarah, kita mahu mereka mahir dalam sekurang-kurangnya salah satu daripada kebolehan berikut, iaitu pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, inovasi, pengkomersilan atau perkhidmatan profesional. Beberapa insentif telah dan akan

diterima oleh mereka yang berjaya membuktikan ketokohan mereka seperti insentif menghasilkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi dan penghasilan modul-modul pembelajaran kendiri.

Perancangan untuk memberi latihan kepada pensyarah akan dilakukan dengan lebih teratur dan terperinci. Pihak iLQAM (Institute of Leadership and Quality Management) telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan latihan dalam 3 kelompok iaitu :

- 1 Kepimpinan akademik & pembangunan bakat**
- 2 Pengajaran, pembelajaran & penilaian**
- 3 Pembangunan profesional berterusan**

iLQAM juga akan memberi peluang untuk para ahli akademik mengasuh potensi mereka dalam kepimpinan melalui penawaran syarahan dalam “Leadership Series”. Pada 2 tahun yang lepas saya sendiri telah memberi siri syarahan kepada pengurusan atasan UiTM dan bahan syarahan telah dikumpulkan dalam sebuah buku “Maxims of University Leadership” supaya staf yang lain turut dapat manfaat daripada ilmu tersebut.

Ahli-ahli akademik yang berada di kampus cawangan tidak akan ketinggalan dalam hal sebegini kerana iLQAM juga akan menganjurkan kursus-kursus sedemikian di semua kampus UiTM. iLQAM juga akan memperkenalkan pensijilan kompetensi pengajaran untuk meningkatkan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Pensyarah yang berjaya menamatkan modul-modul ini akan diberikan Certificate of Education.

Pihak universiti akan menyokong dan menggalakkan segala usaha staf akademik dan juga staf pentadbiran yang ingin meningkatkan lagi kepakaran, keprofesionalan dan kesarjanaan mereka melalui latihan industri, menghadiri kursus, dan mengambil cuti sabatikal di dalam dan di luar negara.

UiTM menyediakan lebih daripada 500 biasiswa setahun kepada staf akademik yang layak, berpotensi dan berkaliber. Mereka yang terpilih berpeluang melanjutkan pengajian dan meningkatkan kelayakan mereka di universiti luar negara yang terkemuka. UiTM juga akan meneruskan skim Tenaga Pengajar Muda dengan memilih graduan terbaik sahaja untuk dibiayai di bawah skim ini bagi memastikan kualiti pensyarah sentiasa tinggi. Saya amat menggalakkan mereka mengambil peluang ini untuk belajar di universiti-universiti IVY-League di Amerika Syarikat seperti Harvard, Princeton, Columbia, dan Yale, atau di lain-lain universiti tersohor seperti Stanford, MIT, CIT, University of Chicago, dan sebagainya. Mereka juga boleh melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti tersohor di Eropah seperti Oxford, Cambridge, Zurich, Oslo, Stuttgart dan lain-lain.

Kepada pensyarah-pensyarah muda, UiTM memandang golongan ini sebagai pewaris, yang bakal menerajui hala tuju universiti. Oleh itu pensyarah-pensyarah yang baru dan masih muda perlu diberi bimbingan. Mereka terdiri daripada Generasi Y yang mempunyai nilai, pemikiran, sikap, kefahaman, idealisme yang agak berbeza daripada generasi sebelumnya. Justeru, mulai tahun ini saya akan mengadakan sesi penerangan mengenai misi, visi, objektif UiTM, serta peranan universiti ini, supaya mereka lebih memahami perjuangan UiTM. Dengan itu, kita harap, mereka akan lebih menyayangi UiTM ini, dan akan sentiasa meletakkan UiTM di dalam hati mereka.

Mulai hari ini, saya mewajibkan setiap fakulti dan kampus untuk mewujudkan sistem Mentor-Mentee di kalangan staf akademik dan juga di kalangan staf pentadbiran, supaya budaya positif dan amalan-amalan terbaik universiti ini terus diwarisi oleh kakitangan muda ini. Sehubungan itu, untuk para pensyarah, mulai tahun ini mereka boleh menyemak dan diberi peringatan mengenai tanggungjawab



PERUTUSAN TAHUN BAHRU  
**2012**  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**Maklum balas secara online, Student Feedback Online atau SuFO, Versi 2.0, akan terus diguna-pakai tahun ini.**

**Bilangan Profesor Madya dan Profesor sahaja tiada ertinya tanpa produktiviti, kreativiti dan kualiti.**

mereka dengan merujuk kepada Buku Panduan Asas Staf Akademik yang akan dilancarkan pada hari ini.

Mengenai Penilaian Staf pula, saya ingin maklumkan bahawa penilaian pensyarah akan dilakukan melalui beberapa kaedah. Satu sistem talian elektronik telah dibangunkan oleh Bahagian Hal Akademik untuk menilai prestasi tahunan pensyarah. Sistem ini yang dinamakan ePerforM, akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Dalam tahun ini juga, satu indeks pengukuran kualiti pensyarah akan dibangunkan oleh BHEA dengan nama Staff Quality Index atau SQI. Sama-samalah kita tunggu bila indeks ini dilancarkan, dan digunakan untuk kebaikan universiti ini dan kita bersama.

Maklum balas daripada pelanggan utama kita, para pelajar, adalah amat penting. Maklum balas secara online, Student Feedback Online atau SuFO, Versi 2.0, akan terus diguna-pakai tahun ini. Setiap Dekan dan Rektor hendaklah menggunakan sistem ini untuk mengenalpasti pensyarah yang mempunyai prestasi tidak memuaskan dari perspektif pelajar, dan mereka ini akan diberi bantuan, nasihat serta tunjuk ajar oleh mentor mereka.

Pada hari ini juga, sistem pemantauan operasi akademik yang kita namakan PRO-PENS akan diperkenalkan. Ia adalah untuk memastikan proses pengajaran pembelajaran UiTM dilaksanakan dengan baik.



Tentang Kenaikan Pangkat para pensyarah, pada tahun 2010 hingga 2011, seramai 726 staf akademik telah dinaikkan pangkat. Saya ingin melihat ramai lagi pensyarah dinaikkan pangkat. Saya mensasarkan bilangan staf yang dinaikkan pangkat pada 2 tahun akan datang mencecah 1000 orang.

Di sini, saya minta kepada semua Dekan dan Rektor Kampus untuk meningkatkan lagi kekerapan proses penilaian kenaikan pangkat, supaya sasaran ini dapat dicapai. Sehubungan itu saya ucapkan syabas kepada Fakulti Perubatan, kerana menjadi fakulti yang paling kerap menjalankan proses ini pada tahun lepas.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, pihak pengurusan universiti telah meluluskan cadangan kenaikan pangkat secara automatik bagi pensyarah di Gred (Lama) 41 ke Gred (Lama) 46 setelah mereka memperolehi Ijazah Sarjana. Saya juga ingin menggalakkan semua pensyarah di Gred (Lama) 45, dengan pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun untuk memohon ke Gred (lama) 52. Justeru, satu program yang kita namakan “*Grooming for Promotion*” akan diperkenalkan bagi membantu para pensyarah supaya mereka lebih bersedia untuk memohon kenaikan pangkat.

Bilangan Profesor Madya dan Profesor sahaja tiada ertinya tanpa produktiviti, kreativiti dan kualiti. Dalam alam akademia, bukti yang kukuh untuk mencerminkan ketokohan dan kehebatan seseorang ahli akademik yang unggul adalah hasil penyelidikannya, buku serta lain-lain penerbitan, kualiti graduan, produk-produk inovasi dan perkhidmatan.

UiTM menilai dan menghargai kejayaan dan sumbangan mereka seperti ini dan telah pun menghasilkan kriteria kenaikan pangkat 3-trek. Ramai telahpun dinaikkan pangkat berdasarkan kriteria ini, dan ramai lagi akan dinaikkan pangkat pada tahun ini sekiranya mereka memohon dan mereka menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Dari segi Hasil atau Output Akademik pula, untuk membantu dan juga mengekalkan ketokohan para akademik UiTM, saya akan mewajibkan beberapa perkara. Contohnya, setiap profesor UiTM hendaklah menyelia sekurang-kurangnya 5 orang pelajar pasca siswazah, menghasilkan 2 artikel dalam jurnal berindeks dan sekurang-kurangnya 1 bab dalam buku setiap tahun. Ini bukan bermakna para profesor sahaja diberi KPI, tetapi setiap lapisan pensyarah UiTM diwajibkan menghasilkan pelbagai bahan akademik seperti modul pengajaran-pembelajaran, e-Modul, Modul Pembelajaran Kendiri, artikel dalam jurnal, kertas polisi, buku teks, dan lain-lain bahan keilmuan.

**...bukti yang kukuh untuk mencerminkan ketokohan dan kehebatan seseorang ahli akademik yang unggul adalah hasil penyelidikannya, buku serta lain-lain penerbitan, kualiti graduan, produk-produk inovasi dan perkhidmatan.**



Galeri Inovasi & Kreativiti

Nama UPENA telah pun bertukar nama kepada UiTM Press. Dengan penjenamaan baru ini UiTM-Press bertanggungjawab untuk memastikan penerbitan pengeluaran bahan-bahan penulisan warga UiTM adalah berkualiti antarabangsa, dan boleh dipasarkan di dalam dan di luar negara.

Selain dari itu, saya ingin melihat setiap fakulti menukuhan Unit iLEARN supaya penggunaan e-pembelajaran diperluaskan. Setiap kursus asas mesti mempergunakan kaedah e-pembelajaran.

Untuk makluman semua pensyarah UiTM, sesiapa yang menghasilkan artikel dalam jurnal yang berindeks tinggi dan e-Module, mereka berpeluang untuk menerima hadiah insentif berjumlah RM1000. Gunakan hadiah ini untuk memotivasi diri sendiri dan rakan-rakan sekerja supaya menghasilkan banyak lagi bahan-bahan keilmuan.

Seperti yang saya ucapkan tadi, kualiti kurikulum menentukan Kualiti Graduan. Kita tidak boleh nafikan bahawa salah satu tujuan utama penubuhan universiti ini adalah untuk mendidik dan melatih modal insan bertaraf dunia, sekali gus membantu negara dalam usaha meningkatkan kemahiran kebolehpasaran rakyatnya. Dalam dunia yang penuh saingan ini, graduan UiTM mestilah mempunyai kualiti yang tinggi supaya nilai mereka melebihi graduan dari universiti lain. Kita mesti terus berusaha ke arah ini, sama ada graduan UiTM itu memiliki sijil, diploma, ijazah ataupun ijazah kedoktoran.

Penekanan bagi tahun 2012-2013 adalah kepada graduan pasca siswazah, untuk menyokong hasrat negara dalam projek MyBrain15, di mana sasaran bilangan pemegang PhD di negara ini mencapai 60,000 orang menjelang tahun 2023. Saya amat berbangga kerana UiTM telah berjaya menghasilkan 49 graduan PhD pada tahun lepas dengan enrolmen 1,489 orang, iaitu peningkatan sebanyak 36% berbanding tahun 2010. Ini bermakna UiTM telah menjadi pilihan pertama di kalangan semua IPTA dalam Malaysia. Ini juga satu penunjuk bahawa IPSis mampu mengendali program PhD, dengan enrolmen 20 ribu pelajar pasca-siswazah menjelang 2015.

Walau bagaimana pun, perlu saya ingatkan, IPSis dan setiap fakulti mesti memantau kualiti tesis yang dihasilkan oleh calon-calon PhD supaya keutuhan tesis yang dihasilkan kekal tinggi dan bermutu. Justeru, saya mengesyorkan kepada IPSis supaya memperbaiki proses, sistem dan kaedah untuk mempastikan graduan PhD UiTM adalah bertaraf dunia. Untuk tujuan itu, saya minta IPSis melantik seorang pemeriksa luar dari luar negara untuk memeriksa tesis-tesis PhD UiTM.

Bagi program-program yang lain, fakulti mesti berusaha lebih bagi menjalin kerjasama dengan universiti-universiti tersohor di luar negara dan mengenal pasti profesor yang berkaliber dan menjemput mereka untuk menjadi Profesor Pelawat, Penceramah Jemputan, Penasihat Akademik, Pemeriksa Luar, serta Profesor Adjung dari pelbagai industri supaya mereka dapat membantu

meningkatkan kualiti program dan pelajar UiTM. Mereka juga boleh memberi input, nasihat serta menyumbang pelbagai idea untuk meningkatkan lagi kebolehan para akademik dalam penyediaan program-program futuristik dan penyelidikan antara disiplin.

Bagi menyuntik semangat akademik dalam universiti ini, Senat UiTM telah meluluskan lantikan baru bagi Saintis Pelawat dan Nobel Laureate Jemputan, untuk dimasukkan dalam Buku Garis Panduan Lantikan Akademia yang baharu untuk digunakan mulai tahun ini. Dari situ, saya harap seramai 200 perlantikan profesor dari universiti-universiti tersohor luar negara, dan para profesional terkemuka dari sektor industri yang relevan dalam negara, dilakukan pada tahun ini juga.

Pihak universiti berharap pada tahun ini lebih ramai pensyarah UiTM yang tidak dapat menamatkan pengajian mereka diperingkat PhD, untuk mendaftar dalam program yang kita namakan PhD Potential. Untuk pengetahuan hadirin, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 1 bilion untuk pensyarah UiTM memperolehi ijazah kedoktoran, dan pihak pengurusan amat komited untuk memastikan jumlah mereka yang gagal adalah di tahap yang seminima mungkin, jika pun tidak di tahap sifar. Kita masih membuka peluang kepada mereka kerana kita yakin mereka mempunyai potensi untuk menambahkan bilangan rakyat Malaysia pemegang PhD.

**...UiTM telah berjaya menghasilkan 49 graduan PhD pada tahun lepas dengan enrolmen 1,489 orang, iaitu peningkatan sebanyak 36% berbanding tahun 2010.**

Dari segi Mobiliti Pelajar, saya berpendapat, usaha perlu ditingkatkan lagi oleh para Dekan dan Rektor Kampus untuk menggalakkan pelajar-pelajar UiTM melibatkan diri dalam program ini. Office of International Affairs mesti membantu agar aktiviti pertukaran pelajar dipergiatkan lagi, melibatkan pelajar dari semua gugusan.

Dari aspek kaedah pembelajaran, saya syorkan setiap fakulti dan kampus memperkenalkan konsep “*peer teaching*” kepada pelajar UiTM. Saya dapati konsep ini amat berkesan, jika pelajar yang bijak, mengajar pelajar yang lemah, dalam sesuatu mata pelajaran. Saya sendiri pernah amalkan konsep ini semasa menjadi pelajar ITM dahulu. Saya dan rakan-rakan betul-betul mendapat manfaat daripada amalan itu. Jika tidak dengan cara itu, mungkin saya sekarang tidak akan berdiri di sini sebagai Naib Canselor UiTM. Selain daripada belajar, “*peer teaching*” juga dengan secara tidak langsung, mengeratkan lagi tali persahabatan sesama pelajar dan membina sikap serakanan ke arah pembinaan kerohanian insaniah yang mantap.

Bilangan pelajar pasca siswazah yang telah menjalankan sebahagian daripada penyelidikan dan membentang kertas kerja ilmiah mereka di luar negara makin meningkat dan amat menggalakkan. Laporan yang diberi menunjukkan, pengalaman mereka di

luar negara telah mendatangkan pelbagai kebaikan, seperti meningkatkan keyakinan diri, ilmu pengetahuan, serta kemahiran dan pemikiran baharu. Sukacita saya maklumkan bahawa para pelajar ini telah menerima manfaat daripada sumbangan warga UiTM dalam Tabung Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM. Oleh itu, saya merayu kepada warga UiTM untuk terus menyumbang kepada tabung ini, supaya bukan sahaja pelajar, tetapi semua staf, berpeluang mengecap manfaat daripada tabung tersebut, demi meningkatkan lagi kualiti graduan dan staf kita.

Menyentuh tentang Enrolmen Pelajar, UiTM akankekalkan bilangan pelajar sepenuh masa pada angka 200 ribu dan pelajar separuh masa seramai 20 ribu menjelang tahun 2015. Manakala, 30 ribu pelajar lagi dijangka mendaftar dengan 25 Kolej-Kolej Bersekutu atau KKB UiTM. Keputusan ini diambil untuk menjamin prasarana dan kemudahan dapat dibekalkan kepada setiap kampus dengan saksama, demi keselesaan staf dan pelajar. Ini juga akan memudahkan kita memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas.

Selain dari itu, ianya akan membantu KKB UiTM meningkatkan enrolmen mereka. Beberapa program ijazah sarjana muda dan diploma tambahan UiTM akan ditawarkan oleh KKB mulai tahun ini. Dalam masa yang sama enrolmen di kampus Shah Alam akan dikecilkan untuk memberi laluan kepada perubahan kampus ini dan kampus satelit ke arah status Universiti Penyelidikan. Sehubungan itu lebih banyak bilangan program pasca siswazah akan ditawarkan untuk menambahkan bilangan pelajar pasca siswazah di kampus induk ini.

Saya juga mencadangkan agar beberapa buah fakulti menyemak semula

pelunjuran pengambilan pelajarnya untuk menstabilkan enrolmen ke tahap 200,000 ini.

Dalam Amanat Tahun Baharu 2012 oleh YB Menteri Pengajian Tinggi yang saya nyatakan awal tadi, beliau menyebut pihak universiti perlu memulakan kursus-kursus yang futuristik. Kita tidak boleh lagi menyediakan program untuk menyelesai masalah semalam, tetapi perlukan program yang dinamik, yang boleh meramalkan trend dan isu-isu pada masa hadapan.

Saya yakin kita boleh lakukannya dengan lebih hebat, kerana, ini telah terbukti oleh beberapa program baru yang telah diluluskan. Justeru, saya ucapan syabas kepada fakulti dan kampus cawangan yang telah membentuk 142 program baru, yang mana 11 daripadanya telah diluluskan oleh Jabatan Pengajian Tinggi, dan akan ditawarkan pada tahun ini.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, semua program UiTM kecuali program-program profesional telah disemak semula untuk menepati keperluan OBE-SCL serta menerima kelulusan daripada Jabatan Pengajian Tinggi. Latihan kepada pensyarah dan staf pentadbiran akan diteruskan tahun ini supaya warga UiTM memahami dan dapat mempraktikkan OBE-SCL.

Mulai tahun ini, kita juga akan memulakan penawaran beberapa program yang inovatif seperti Diploma 2-trek dan PhD Industri.

Menyentuh tentang pembelajaran separuh masa, saya minta semua modul ePJJ diperbaharui. Banyak modul yang diguna oleh InED

**...UiTM akankekalkan bilangan pelajar sepenuh masa pada angka 200 ribu dan pelajar separuh masa seramai 20 ribu menjelang tahun 2015. Manakala, 30 ribu pelajar lagi dijangka mendaftar dengan 25 Kolej-Kolej Bersekutu atau KKB UiTM.**

sekarang telah lapuk, dan sekarang adalah masa yang sesuai untuk InED dan iLEARN berganding bahu membangun modul pembelajaran elektronik yang futuristik, terkini, relevan dan dinamik. Dengan inovasi dan kreativiti, kita dapat jadikanlah UiTM sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran yang dicontohi oleh universiti lain. Untuk itu saya cadangkan pihak UiTM menggunakan teknologi Ubiquitous untuk memperkasakan pengajaran-pembelajaran seumur hidup ini.

Menjurus kepada Audit Kualiti Akademik pula, pihak InQKA akan meneruskan proses-prosesnya tahun ini, dengan lebih memberi fokus kepada pengurusan program pasca siswazah, melaraskan aktiviti untuk penyediaan untuk SETARA dan D'SETARA. InQKA juga, pada tahun ini, akan melancarkan satu sistem elektronik untuk proses-proses audit kualiti, yang diberi nama *Peer Review Reporting System* atau PeeRs. InQKA juga akan bekerjasama rapat dengan HEA bagi memastikan kegiatan dan mesej anti-plagiat diperluaskan di seluruh sistem UiTM.

Dalam mana-mana institusi pendidikan, peperiksaan merupakan salah satu kegiatan yang wajib. Dengan bilangan enrolmen pelajar UiTM yang semakin meningkat, proses-proses peperiksaan kini menjadi lebih mencabar, terutamanya dengan kepesatan

penubuhan kampus-kampus dan program-program baru. Oleh itu, pelaksanaan disentralisasi peperiksaan akhir telah diberikan pertimbangan serius. Maka, mulai Mac 2012 ini, beberapa program di Perlis dan Perak akan menyediakan soalan peperiksaan dan menjadualkan tarikh peperiksaan di kampus masing-masing. Semua kampus yang menawarkan program diploma akan menguruskan peperiksaan di kampus masing-masing, dan desentralisasi peperiksaan dijangka lengkap menjelang Mac 2013, apabila kegiatan peperiksaan akan diuruskan sepenuhnya di kampus masing-masing. Saya pasti pihak HEA dan INQKA akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan semua proses peperiksaan terjamin mutu dan integritinya.

Dalam ucapan YB Menteri, beliau menyatakan IPTA perlu melihat ke arah mempelbagaikan sains agar ia menjadi bidang yang diminati dan dipilih oleh pelajar. IPTA juga diminta untuk menawarkan pendidikan liberal untuk menjadikan graduan berfikiran lebih terbuka. Saya pasti UiTM telah pun memulakan pendekatan sebegini, namun saya harap pihak HEA dapat memperhalusi dan menjadikan apa yang kita tawarkan sebagai yang terbaik di dalam negara kita. Saya yakin, kita boleh!



UiTM Puncak Alam

PERUTUSAN TAHUN BAHRU  
**2012**  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA





## PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Pelajar merupakan aset terbesar kita. Jumlah mereka sekarang telah melebihi 170 ribu orang. Saya amat berterima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang menjaga kebajikan, kegiatan serta pelbagai kemudahan untuk mereka. Tidak hairanlah, jika Bahagian HEP ini besar organisasinya, kerana peranan mereka juga besar, melewati sempadan kampus universiti.

Sebagai Naib Canselor UiTM, saya rasa bertuah kerana mempunyai Timbalan Naib Canselor yang bukan sahaja komited dan berwawasan, tetapi beliau juga amat mesra dengan seluruh warga.

Jika kita masih ingat, dalam perutusan saya tahun 2011 yang lalu, kita telah isytiharkan tahun tersebut sebagai Tahun Kebajikan Pelajar. Saya berterima kasih kepada HEP yang telah mengambil beberapa langkah aktif memastikan pengisian tahun 2011 penuh dengan kebajikan. Namun, perlu saya peringatkan, walaupun tahun 2011 telah berlalu, kebajikan terhadap pelajar mesti diteruskan.

HEP mempunyai pelbagai Pusat dan Bahagian yang fokus membantu pelajar dan graduan mendapat perkhidmatan yang semaksima mungkin untuk mereka berjaya dalam kehidupan ini. Pada tahun ini Pusat Kerjaya Dan Kaunseling, umpamanya, akan memberi tumpuan utama dalam usaha meningkat kebolehpasaran graduan. Teruskan usaha baik itu. Perluaskannya ke seluruh negara, dengan tidak tertumpu di Shah Alam sahaja.

Bagi menghadapi Pilihanraya Umum Ke-13 nanti, Bahagian HEP telah menjalankan Program Kempen Daftar Pemilih bagi mengalakkan mahasiswa UiTM yang telah mencapai umur 21 tahun mendaftar sebagai pemilih. Setakat Bulan Disember 2011 seramai 42,167 daripada 48,628 orang pelajar yang layak UiTM telah pun mendaftar di seluruh kampus UiTM. Oleh yang demikian pada tahun 2012 semua fakulti dan kampus cawangan perlu meningkatkan lagi bilangan pelajar yang mendaftar sebagai pemilih agar pencapaian kita boleh mencapai 100%.

Sehubungan itu juga, pada tahun ini, saya minta semua Dekan dan Rektor untuk memberi kerjasama kepada Bahagian HEP bagi menganjurkan lebih banyak sesi penerangan berkenaan isu-isu semasa negara kepada para pelajar. Dengan itu mereka akan lebih memahami peranan mereka sebagai rakyat Malaysia yang cintakan negara ini dengan erti kata yang sebenar.

Sebagai ayahanda kepada anak-anak kita di seluruh sistem UiTM, saya amat terkilan jika kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka tidak saksama. Kita tidak mahu

kemudahan-kemudahan pelajar yang ada di Shah Alam tidak ada di kampus-kampus lain. Saya ingin lihat kolej-kolej kediaman anak-anak kita sama taraf atau pun lebih baik daripada universiti-universiti lain, dari kampus Perlis hingga ke Sabah. Oleh itu saya meminta HEP menyelaraskan segala perkhidmatan dan kemudahan pelajar agar adil dan saksama.

Sebagai menghadapi kehendak di masa hadapan, saya meminta pihak HEP mengadakan satu penyelidikan menyeluruh, mengenalpasti keperluan-keperluan yang boleh kita sediakan kepada pelajar-pelajar kita. Ini adalah untuk memastikan pelajar-pelajar kita tidak ketinggalan berbanding dengan pelajar dari lain-lain institusi, dan ini akan membolehkan mereka menjadi pelajar berminda kelas pertama.

Selain daripada itu, saya minta HEP pastikan para pelajar kita mendapat maklumat sepenuhnya tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh UiTM. Kita tidak mahu ada anak-anak kita yang ketinggalan atau tercicir tanpa mengetahui tempat di mana boleh mereka mendapat bantuan.

Kesihatan pelajar amat penting, terutamanya dalam organisasi sebesar UiTM ini. Tahniah kepada Pusat Kesihatan UiTM yang telah mendapat pengiktirafan Pensijilan Amalan Persekuturan Berkualiti (QE/5S) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia, MPC, pada 13 Julai 2011, disusuli pula dengan Anugerah Emas dalam Konvensyen Persekuturan Berkualiti QE/5S Peringkat Wilayah Tengah pada 25 Julai 2011, dan Konvensyen Persekuturan

Berkualiti QE/5S Peringkat Kebangsaan pada 20 Oktober 2011. Kejayaan-kejayaan ini saya harapkan akan menjadikan perkhidmatan kesihatan di seluruh UiTM yang terbaik, bukan sahaja untuk pelajar malah dapat diperkembangkan kepada kakitangan UiTM.

Tidak lengkap kita bincang tentang HEP tanpa menyebut peranannya dalam bidang sukan. Bagi saya, pencapaian sukan itu penting bagi memperkenalkan dan menaikkan nama universiti di kalangan belia-belia. Saya mahukan UiTM bukan sahaja terkenal dalam pencapaian akademik, malah pencapaian dalam bidang sukan pun turut diberi perhatian.

Walaupun kegiatan sukan universiti dalam Malaysia ini tidak sehebat seperti yang diamalkan oleh NCAA di Amerika Syarikat, namun kita boleh berbangga dengan pencapaian UiTM. Beberapa atlet kita telah berjaya mewakili negara dan memenangi pingat, bukan sahaja di peringkat Asia, malah peringkat dunia sekali pun.

**...Pusat Kesihatan UiTM yang telah mendapat pengiktirafan Pensijilan Amalan Persekutaran Berkualiti (QE/5S) daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia, MPC, pada 13 Julai 2011, disusuli pula dengan Anugerah Emas dalam Konvensyen Persekutaran Berkualiti QE/5S Peringkat Wilayah Tengah pada 25 Julai 2011, dan Konvensyen Persekutaran Berkualiti QE/5S Peringkat Kebangsaan pada 20 Oktober 2011.**



Tujuan dibentuknya lembaga ini adalah untuk memberi sumbangan dan pengaruh kepada pengembangan akademik dan penelitian

# PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Kepada kakitangan pentadbiran kita yang berjumlah 9,019 orang, saya tidak lupa. Mereka juga memainkan peranan penting memperkasakan kecemerlangan akademik di UiTM. Saya yakin, mereka telah berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik dan akan terus setia dalam perjuangan kita, dan sentiasa meletakkan kepentingan UiTM dahulu daripada kepentingan diri sendiri. Saya amat berbangga mempunyai kumpulan pentadbir yang turut peka dengan persekitaran dan suasana universiti yang sentiasa berubah, dengan mempamerkan jati diri yang kental ketika menangani pelbagai cabaran.

Saya percaya, minda yang berilmu akan dapat membantu peningkatan prestasi sesuatu organisasi. Sehubungan itu, saya amat menggalakkan setiap kakitangan pentadbiran menghadiri kursus, dan menyambung pelajaran masing-masing. Sambung belajar ini bukanlah untuk kenaikan pangkat dan gaji semata-mata, tetapi yang lebih pentingnya ialah

penambahan ilmu dan kepakaran. Kita sudah ada contoh, di mana pegawai-pegawai kita dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana, sehingga ke peringkat PhD.

Saya ingin mengajak para pentadbir untuk menyambut cabaran ini supaya menyambung pengajian di peringkat PhD di Harvard, Oxford, Yale, dan juga UiTM, serta lain-lain lagi agar menjadi Pentadbir UiTM tersohor, dan terus mampu menyokong kecemerlangan akademik universiti. Saya berharap, pihak Pendaftar dapat mengadakan satu kaedah khas dan tersusun bagi merealisasikan rancangan ini.

Satu lagi isu yang selalu ditimbulkan oleh pihak kakitangan pentadbiran ialah kenaikan pangkat dan pertukaran tempat atau kampus. Memandangkan isu ini melibatkan perhubungan ahli-ahli keluarga kakitangan yang terlibat, serta masa hadapan dalam kerjaya mereka, saya harap pihak Pendaftar juga dapat melihat peraturan-peraturan yang boleh diubah agar bersesuaian dengan keadaan semasa, serta matlamat kita memberi Status Autonomi kepada kampus-kampus cawangan. Saya percaya, warga yang bahagia akan menjadi kakitangan yang produktif.

Sebagai makluman, sepanjang tahun 2011, Pejabat Pendaftar telah melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi staf pentadbiran melalui laluan biasa dan secara Khas Untuk Penyandang atau KUP bagi staf yang telah berkhidmat 15 tahun dalam perkhidmatan semasa. Bagi urusan melalui laluan biasa, universiti telah memperakurkan seramai 177 orang staf pentadbiran yang layak dinaikkan pangkat ke gred kenaikan pangkat yang ditetapkan berdasarkan waran perjawatan yang telah diluluskan Perbendaharaan Malaysia.

Manakala bagi urusan Kenaikan Pangkat secara KUP bagi staf yang telah berkhidmat 15 tahun dalam perkhidmatan semasa yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia, telahpun dimanfaatkan sepenuhnya oleh universiti untuk seramai 245 orang staf pentadbiran yang layak. Tahniah kepada mereka semua.

Sebagai panduan dan motivasi kepada semua, serta untuk memudahkan kita meningkatkan mutu kerja dan kerjaya, saya telah pun melancar sebuah buku panduan, ‘Nilai dan Etika Warga UiTM’ hasil inisiatif Pejabat Pendaftar, pada Majlis Kemuncak Bulan Inovasi hujung tahun lepas. Buku ini menjelaskan 10 nilai dan etika, yang mendasarkan Kerangka Integriti UiTM yang perlu difahami dan dihayati oleh warga universiti, dan ianya digarapkan dalam 7 prinsip Budaya Perdana.

Di sini, saya ingin jelaskan definisi Nilai & Etika itu, iaitu kepercayaan yang mendorong tanggungjawab dan tingkah laku warga untuk membentuk citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat. Sepuluh Nilai dan Etika Warga UiTM yang dimaksudkan ialah Amanah, Akauntabiliti, Menghargai Masa, Dedikasi, Tawaduk atau Humility, Penambahbaikan Berterusan, Berdisiplin, Bekerjasama, Mengejar Kecemerlangan dan Kesarjanaan dan Bersyukur.

Saya harap semua warga dapatkan buku ini dan bacalah untuk kemajuan diri dan pembangunan modal insan UiTM. Atas asas itu kita semua mesti menjadi warga yang bersih rasuah, kerana bekerja di dunia mesti gigih, sempurna, bersih dan telus, supaya boleh menjadi model kehidupan akhirat yang diberkati.


Usaha-usaha untuk menyediakan pemimpin pelapis di kalangan pentadbir juga amat mustahak bagi memastikan tadbir urus universiti ini terus mantap agar keutuhan pengurusan UiTM sentiasa terpelihara. Untuk itu Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus, yang saya pengerusikan dan diurussetiakan oleh Pejabat Pendaftar, telah menyediakan Kerangka Integriti yang komprehensif agar kita sebagai warga UiTM dapat berperanan dengan lebih sedar dan istiqamah. Ini amat mustahak apabila kita telah memberi autonomi kepada 4 Universiti Negeri. Empat kampus berautonomi tersebut telah menunjukkan kematangan mentadbir dan mengurus kampus masing-masing dengan baik.

**Dalam pelaksanaan autonomi,  
saya ingin menegaskan bahawa  
kepatuhan kepada kod tadbir  
urus terbaik amat penting  
bagi menjamin tiada peluang  
dan ruang untuk sesiapa jua  
menyalahgunakan kedudukan  
dan kuasa.**

Bagi kampus-kampus cawangan yang lain, audit kesediaan akan dilaksanakan sebelum pemberian autonomi dimuktamadkan. Untuk itu rujukan kepada dokumen Kod Tadbir Urus Terbaik UiTM telah pun disediakan oleh pihak Pentadbir, berasaskan CUGG dan UGGI – KPT.

Saya berharap agar semua Rektor memahami sepenuhnya Kod Tadbir Urus Terbaik UiTM agar kita mampu mewujudkan 12 universiti penuh dari kalangan Universiti Negeri dan Kampus Cawangan yang sedia ada.





Muzium Perubatan, UiTM



# PENGURUSAN KEWANGAN

Selain daripada mengurus modal insan, kita juga perlu mengurus soal kewangan. Seperti yang kita sedia maklum, bahawa semua agensi kerajaan telah mengalami pengurangan bajet bagi tahun 2012, termasuklah kita, UiTM ini. Maka, semua agensi terpaksalah mengurus kewangannya dengan berfokus kepada Belanjawan dan Inisiatif Pengurangan Kos.

Walau bagaimana pun, atas prihatin Kementerian Pengajian Tinggi, UiTM telah mendapat jumlah peruntukan yang hampir sama berbanding dengan tahun 2011. Pada hakikatnya, bajet per pelajar bagi non-emolumen yang diterima oleh UiTM sedikit berkurangan.

Dengan peningkatan enrolmen pelajar dan pembukaan beberapa kampus serta program baharu, ianya secara langsung telah meningkatkan perbelanjaan mengurus. Pengurusan kewangan yang mampan dengan berkonsepkan lean financial management telah berjaya menangani peningkatan perbelanjaan operasi ini tanpa menjejaskan kualiti pembelajaran.

Untuk pengetahuan hadirin, Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan sasaran agar pihak IPT menjana pendapatan 30% daripada bajet tahunan sendiri. Namun, kita telah diberi peringatan bahawa penjanaan pendapatan ini semestinya tidak mengganggu peranan utama universiti sebagai pusat kecemerlangan ilmu.

Saya yakin, dengan kepakaran dan prasarana yang sedia ada kita mempunyai peluang dan ruang yang luas untuk menjana pendapatan 30% tersebut.

Pada tahun ini sasaran penjimatan kos operasi adalah sebanyak 6% daripada bajet non-emolumen dengan pelaksanaan penukaran beberapa Pusat Kos kepada SBU dan beberapa inisiatif penjimatan melalui ICT. Beberapa inisiatif penjimatan akan terus dilaksanakan seperti integrasi antara sistem di UiTM.

Nilai Untuk Wang atau *Value For Money* keatas setiap ringgit dan sen perbelanjaan hendaklah mendapat pulangan nilai paling maksima. Perolehan peralatan yang bersifat ‘nice to have’ mestilah dielakkan supaya tidak berlaku sebarang pembaziran dan keborosan. Konsep penggunaan ‘*shared lab*’ perlu dilaksanakan. Saya ingin memaklumkan bahawa Jawatankuasa Peralatan UiTM akan membuat audit pengurusan peralatan di seluruh UiTM dalam masa terdekat untuk memastikan peralatan digunakan sepenuhnya mengikut justifikasi semasa pembelian dilaksanakan.

Pengurusan kewangan kini makin mencabar dalam memenuhi kehendak stakeholders dan pelanggan-pelanggan UiTM, yang semakin hari juga bertambah mencabar.

Peningkatan jumlah pelanggan, dan dengan bajet tahunan yang agak tinggi, menyebabkan jumlah transaksi dan keperluan pelanggan juga semakin meningkat.

Justeru, Insya-Allah, pada hari ini kita akan melancarkan satu aplikasi online yang dinamakan Fineportal atau *Financial Excellence Portal* Pejabat Bendahari. Dengan pelancaran Fineportal ini, segala urusan dan informasi berkaitan kewangan yang diperlukan staf, pelajar, pembekal dan pengguna awam adalah secara atas talian tanpa batasan masa dan lokasi, serta bersifat lebih dinamik, dan lebih telus, sistematik, dan efisien.

Sukacita juga saya memaklumkan bahawa penarafan Indeks Akauntabiliti Badan-Badan Berkanun oleh Jabatan Audit Negara memberi penarafan tertinggi 4 Bintang (Sangat Baik) kepada UiTM serta mendapat Sijil Audit Bersih buat kali ke 11 berturut-turut. Syabas kepada warga kerja Pejabat Bendahari.

**...melancarkan satu aplikasi online yang dinamakan Fineportal atau Financial Excellence Portal Pejabat Bendahari.**



# PENCAPAIAN DAN PERANCANGAN VCSP DAN UePMO

Semasa mula memegang jawatan Naib Canselor UiTM, 2 tahun yang lalu, saya telah perkenalkan konsep VCSP atau Vice Chancellor's Special Projects bagi merancakkan aspek pembangunan dan pencapaian universiti ini. Sebagai seorang jurutera, saya percaya, berjayanya sesuatu projek bergantung kepada tatacara pelaksanaan dan pemantauannya. Jika di peringkat nasional, negara telah menghasilkan *Economic Transformation Programme* (ETP), *Government Transformation Programme* (GTP), *Entry Point Project* (EPP) dan sebagainya, UiTM ada VCSP. Bagi saya, setiap projek ini harus dilaksanakan dengan jayanya, dan kita perlu faham bahawa *Failure Is Not An Option*.

Pencapaian-pencapaian yang cemerlang telah terserlah sepanjang dua tahun pelaksanaan VCSP ini. Melalui VCSP Tun Razak Chair at Ohio University, kini pensyarah kita, Prof. Dr. Habibah Ashari telah diberi penghormatan menjadi Penyandang Kursi Tun Abdul Razak yang ke-14 di Universiti Ohio, Amerika Syarikat. Ini merupakan kali pertama seorang pensyarah UiTM diberi penghormatan yang sedemikian.

Seterusnya, melalui VCSP Human Malay Genome, sekumpulan saintis dari Pharmacogenomics Centre UiTM, telah berjaya

menghasilkan pemetaan Genom Melayu yang lengkap. Penghasilan genom tersebut akan membolehkan Malaysia menghasilkan ubat-ubatan yang bersesuaian dengan penduduk tempatan selain daripada Asia Tenggara, dengan anggaran ianya mampu membuka kepada pasaran 200 juta penduduk melibatkan Indonesia, Selatan Thailand dan Filipina. Pencapaian ini meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju dalam bidang bioteknologi.

Melalui VCSP “*Putting UiTM on the World Map*” pula, Fakulti Perubatan telah berjaya mengadakan jaringan kerjasama dengan Universiti Harvard, University of Melbourne, Monash University, University of Tokyo, McGill University, Canada dan banyak lagi institusi luar negara ternama yang melibatkan staf dan pelajar fakulti tersebut.

Selain daripada itu, pencapaian-pencapaian lain telah dapat dilihat daripada VCSP Strategic Alliance with Top Notch Research Centre, Going Global for Grants, Research and Innovation Outreach, Trans-Continental and Trans-Disciplinary Research Collaborations, Establishment of CoRe (Community of Research), Global e-Professorial Talks, Academic and Automotive Industry Collaboration, Anti Plagiarism Project, New and Futuristic Academic Programmes, New Promotion Criteria, Collegiality and Congeniality, Alumni Credit Card, Mengubah Destini Anak Bangsa, Faculty Income Generation, Kasih Sayang 1 Malaysia, Penubuhan Pasukan Polis Bantuan, Career and Recruitment Efforts (CARE), Finishing School, Sustainable Campus, dan

lain-lain lagi. Dalam kampus UiTM Shah Alam ini kita dapat lihat Digital Billboard sudah pun dipasang dan sedia untuk digunakan.

Secara purata, sebanyak 83 atau 43% daripada projek-projek VCSP telah siap dilaksanakan, manakala 40 atau 21% daripadanya sedang berjalan dengan lancar dalam tempoh yang ditetapkan. Saya mensasarkan, semua projek itu akan terlaksana semuanya menjelang akhir tahun ini.

Bagi memantau dengan teliti kelancaran semua VCSP, saya memperkenalkan UePMO atau UiTM *Electronic Programme Management Office*. Pihak Pusat Perancangan Strategik telah mengadakan taklimat Rancangan Malaysia Kesepuluh kepada 52 pusat tanggungjawab bagi menyebarluas hala tuju strategik universiti agar warga dapat menghayati dan melaksanakannya. Pihak PPS juga telah membantu kesemua PTJ dalam penyediaan inisiatif RMKe-10 masing-masing dan memastikan bahawa setiap PTJ menyediakan inisiatif atau projek yang merupakan *Business Unusual* sahaja.

Semua inisiatif ini akan dipantau pelaksanaannya melalui sistem UePMO. Pelaksanaan peringkat pertama akan bermula pada bulan Mac di empat buat kampus negeri berautonomi dan akan diluaskan secara berperingkat ke kampus negeri yang lain.

Di samping itu, sistem UePMO juga akan digunakan bagi memantau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) universiti bagi memastikan keberjayaan

pencapaian sasaran yang telah ditetapkan. Dengan adanya perancangan yang mantap dan pemantauan pelaksanaan yang sistematik, Insya Allah, halatuju strategik UiTM untuk menjadi sebuah universiti tersohor akan menjadi satu realiti dalam masa yang terdekat.

Bercakap tentang Pusat Perancangan Strategik atau PPS, di sini saya mengumumkan bahawa pusat ini adalah penyimpan dan sumber rasmi semua data-data rasmi UiTM. Saya harap, mulai hari ini PPS akan menyelaraskan dengan semua pihak, termasuklah Pejabat Pendaftar, HEA, HEP, Pembangunan, dan sebagainya agar semua data adalah terkini, tepat dan tidak mengelirukan.

**...sebanyak 83 atau 43% daripada projek-projek VCSP telah siap dilaksanakan, manakala 40 atau 21% daripadanya sedang berjalan dengan lancar dalam tempoh yang ditetapkan. Saya mensasarkan, semua projek itu akan terlaksana semuanya menjelang akhir tahun ini.**

# HUBUNGAN AKADEMIA, INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Peranan dan fungsi Bahagian Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni atau JIM&A semakin jelas dan menampakkan hasil. Namun, saya mahu melihat, JIM&A mengimbangi peranannya bersesuaian dengan kehendak negara. Kita tidak mahu lihat perhubungan UiTM bertambah hebat dengan industri sahaja, tetapi mengabaikan masyarakat dan alumni. Oleh itu JIM&A perlu merancang dengan strategik program-program yang boleh menjayakan keseimbangan ini.

Saya difahamkan, JIM&A telah mengenal pasti empat dimensi hubungan industri dan masyarakat untuk membawa Universiti Teknologi MARA ke arah hadapan untuk menjadi universiti bertaraf antarabangsa. Empat dimensi tersebut ialah, pertama, teknologi pengkomersilan dan penubuhan hasil

sampingan, kedua, pendidikan keusahawanan dan kebolehpasaran kerja graduan, ketiga, penghasilan pendapatan dan, keempat hubungan global. Saya berharap, melalui dimensi ini, UiTM akan lebih dikenali di mata dunia, dan semakin dekat di hati rakyat. JIM&A juga mesti memainkan peranan bukan sahaja di Shah Alam tetapi turut bekerjasama dengan kampus-kampus cawangan.

Saya ingin mencadangkan satu program berimpak tinggi yang boleh membawa kebaikan kepada universiti, iaitu ‘Kor Inovasi’. Program Kor Inovasi ini boleh melatih satu pasukan pelajar muda profesional yang dipandankan dengan usahawan berpengalaman. Mereka ini akan bekerjasama di dalam projek keusahawanan sosial. Kerjasama ini akan menghasilkan satu peningkatan tahap inovasi dan keusahawanan sosial yang tinggi dan dapat memberi impak sosial, sumber manusia dan ekonomi yang signifikan. Yang penting ialah siswazah kita mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan yang praktikal dan berguna.

Bercakap tentang Keusahawanan atau *Entrepreneurship*, YB Menteri dalam amanatnya juga telah menyentuh tentang tiga agenda keusahawanan yang perlu diberi perhatian, iaitu;

- 1 mengeluarkan graduan yang lebih entrepreneurial dan usahawan graduan.**
- 2 aktiviti *Social-Entrepreneurship* yang akan diterajui dan dilaksanakan oleh JIMA, dan;**
- 3 IPTA menawarkan kursus liberal dan multi-disiplin.**

Sehubungan itu saya umumkan bahawa MASMED akan menawarkan kursus Minor in Applied Entrepreneurship, selain daripada kursus Masters in Applied Entrepreneurship dan Masters in Education (Entrepreneurship) dengan kerjasama Fakulti Pendidikan mulai tahun ini.

Hadirin sekalian; Alumni juga adalah aset dan sumber penting bagi sebuah universiti. Justeru, saya juga meminta agar pihak JIM&A dapat menggunakan teknologi komunikasi terkini untuk menghubungi para alumni UiTM yang hampir mencecah setengah juta orang sekarang. Di negara-negara maju, seperti Amerika Syarikat, para alumni adalah penyumbang besar kepada tabung universiti. Saya yakin terdapat ramai alumni kita di luar sana yang mahu menyumbang kepada UiTM kerana mereka tahu UiTM telah mengubah destinasi hidup mereka.

**MASMED akan menawarkan kursus Minor in Applied Entrepreneurship, selain daripada kursus Masters in Applied Entrepreneurship dan Masters in Education (Entrepreneurship) dengan kerjasama Fakulti Pendidikan mulai tahun ini.**



# HALA TUJU STRATEGIK UiTM: MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA

Pembangunan universiti kita yang besar ini memerlukan perancangan yang besar dan teliti. Ini adalah untuk memastikan kehendak negara, keperluan rakyat, serta matlamat kita dapat kita capai. Jika tuan-tuan masih ingat, Dokumen RMK-10 UiTM yang telah saya lancarkan semasa Amanat Tahun baru 2011 satu tahun yang lalu, adalah bertunjangkan falsafah perjuangan universiti kita dalam Mengubah Destini Anak Bangsa atau MDAB. Model MDAB ini dirangka sebagai panduan Halatuju Strategik RMK-10 UiTM untuk tempoh lima tahun menjelang 2015; demi memperkasa UiTM ke arah Universiti tersohor atau top-notch University.

Model yang bersifat keterangkuman, kemampaman serta komprehensif ini juga adalah cetusan visi ideal survival bangsa dari aspek pendidikan tingginya. Pembentukan model ini telah melalui satu proses perundingan yang meluas dan panjang, melibatkan pelbagai pemegang kepentingan. Justeru, model MDAB dari sudut mindsetnya, imej dan ikonnya adalah perlambangan segala komitmen dan aspirasi kita mencorak destini anak bangsa.

Model ini mengkehendaki setiap warga menerap nilai-nilai utama meliputi keserakanan, komitmen, kreativiti, kelainan dan kod etika. Inilah nilai-nilai sejagat berteraskan semangat peradaban yang tulus, *passion* atau keberahanian yang tuntas terhadap ilmu dan kebenaran, serta disulami pula jalinan keserakanan yang saling mengikat antara sesama kita. Nilai-nilai ini seterusnya menjadi pemangkin kepada LIMA sistem sokongan yang diperkuatkkan bagi menyokong LIMA teras utama pengoperasian strategi untuk tempoh LIMA tahun sehingga 2015. Kesemua ini menjurus pula kepada tiga sasaran strategik iaitu Kampus-Kampus Berautonomi, Graduan Dinamik dan Aksesibiliti yang akan menampilkan UiTM sebagai Universiti tersohor.

Sewajarnya Model ini menjadi pedoman untuk kita terhadapan dalam meneroka ilmu baru, teknologi baru berpaksi kepelbagaiannya, dan kebitaraan atau *niche* yang kita ada. UiTM perlu mempelopori pasaran serta industri baru, majikan, pekerjaan, penghasilan graduan berkualiti dan seterusnya penarafan global. Agenda mengubah destini anak bangsa adalah sama penting natijahnya dengan mencorak halatuju negara kita ke arah masa depan yang gemilang. Saya ingin melihat warga UiTM memahami, menjiwai dan menterjemahkan model MDAB selama mana tuan-tuan puannuan bernaung di bawah universiti yang mulia ini.

Bidang pengajian tinggi sedang melalui proses perubahan yang besar. Perubahan-perubahan ini bukan sahaja berlaku kepada infrastruktur universiti itu sendiri, malah terhadap persepsi fungsi akademia itu sendiri.

Falsafah terhadap peranan universiti dan nuansa epistemologinya dalam masyarakat juga turut berubah. Janganlah kita jadi macam `tertinggal keretapi' sedangkan penarafan universiti sebenarnya telah pun bermula di Amerika Syarikat semenjak awal 1990-an lagi, lantas, melimpahi ke serata benua Eropah. Di Britain, Oxford, Cambridge dan London School of Economics (LSE) misalnya diiktiraf menyamai Harvard, Stanford dan MIT. Malah, sementara negara kita baru berkira menaiktaraf politeknik kepada darjah premier, amalan ini sebenarnya telah pun berlaku semenjak 1960-an lagi di Britain dengan transformasi Redbrick Universities. Justeru, kita tiada pilihan, kita perlu bertindak untuk lebih maju.

Dua faktor utama yang mendorong UiTM untuk beranjak kepada paradigma baru ialah pertama, pemusatan kepada nilai keilmuan ditambah serta berintensifkan penyelidikan. Kedua, kita menerima-pakai strategi kerajaan dengan peranan lebih besar sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur universiti kita.



# PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Hasrat UiTM menjadi universiti berteraskan penyelidikan, sudah tentunya akan menjadi penanda aras kepada keupayaan kita bersaing di peringkat serantau serta global. UiTM komited dalam usaha meningkatkan skor *My Research Assessment* atau MyRAnya, di mana kampus induk Shah Alam akan digarap berintensifkan penyelidikan. Ini bermakna, kita perlu melipat gandakan segala usaha, khususnya, di peringkat Fakulti dan Pusat Kecemerlangan (CoE). Dalam hal ini, Strategi RU ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan baharu, sejajar dengan persekitaran semasa dan keutamaan negara.

Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Research Management Institut, RMI, sebagai pamacu utama misalnya, sedang membangunkan inisiatif MyRA Monitoring Mechanism iaitu sistem khusus bagi memantau skor MyRA secara berstruktur di kesemua Fakulti dan Center of Excellence. Insya-Allah, kita akan sama-sama menjayakan perancangan ini.

Sebagai negara majmuk, Malaysia berdepan dengan cabaran senario ekonomi, polarisasi budaya dan idealisme politik, kebangkitan agama, perubahan masyarakat, kemajuan industri serta teknologi, ditambah pula kehadiran golongan tertentu yang cuba meraih laba. Tidak dapat tidak, sebagai golongan akademik,

tentulah kita juga akan terkesan atau teruji secara tegar pendirian dan kecendekiawanan kita.

Di peringkat pengurusan tertinggi universiti, kita telah pantas membuka tirai 2012 dengan dua sesi sumbangsaran penting iaitu pada 3 hingga 5 Januari dan disusuli pula dengan Bengkel Futuristik di Melaka pada 13 hingga 15 Januari tempohari. Agenda utamanya adalah memperincikan road-map atau hala tuju UiTM, khususnya bagi tempoh 2012-2015, dengan fokus kepada sasaran-sasaran bagi dua tahun pertama 2012 dan 2013.

Kita telah mengambil ketetapan bahawa, skor MyRA akan mengambil kira prestasi penyelidikan di kampus induk iaitu Shah Alam sahaja. Sementara itu, Kampus-Kampus Negeri akan terus menyokong inisiatif dan aspirasi penyelidikan Kampus Induk, dalam semangat perkongsian atau sharing. Contohnya perkongsian kepakaran, penyeliaan pelajar pasca-siswazah dan akses kepada penggunaan peralatan penyelidikan. Graduan Kampus Negeri juga boleh menjadi feeder utama kepada program pasca-siswazah di Kampus Induk.

Menurut skor MyRA 2010, UiTM mendapat penyetaraan 3 bintang, iaitu meningkat satu bintang daripada prestasi tahun sebelumnya. Walau pun pencapaian UiTM dalam pelbagai aspek penyelidikan seperti perolehan geran, penerbitan artikel berindeks, dan pengijazahan pelajar pasca siswazah meningkat pada kadar yang amat memberangsangkan, namun demikian sasaran yang perlu dicapai masih jauh lebih tinggi.

Dalam hal ini, sasaran untuk kita mendapat skor MyRA 75%, iaitu nilai minimum yang melayakkan pengauditan Universiti Penyelidikan dibuat, diletakkan pada tahun 2013. Sasaran ini akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 138% menjelang 2015. Untuk memastikan ini tercapai, saya telah mengarahkan setiap fakulti dan pusat kecemerlangan menilai secara berkala pencapaian semasa MyRA dan menyediakan pelan tindakan bagi mentransformasikan aktiviti penyelidikan di PTJ masing-masing dalam masa dua tahun. Insya-Allah, pihak RMI akan membantu dalam proses ini.

Dalam masa yang sama, kita juga melihat garis panduan pelaksanaan entiti penyelidikan UiTM. Kita berasa bangga yang ARI atau Institut Penyelidikan Perakaunan, yang telah diiktiraf sebagai Higher Institution Center of Excellence atau HICoE, kini gigih berusaha meningkatkan tahap ke peringkat Asia. ARI dikenalpasti berpotensi menjadi Pusat Kecemerlangan pertama negara ini yang mencapai Regional Level HICoE selaras dengan sasaran PSPTN fasa kedua.

Di dalam hal ini, UiTM sedang mengorak langkah menyediakan peluang untuk beberapa buah CoE lain bersaing di peringkat nasional untuk mencapai tahap HICoE. Sistem pemeringkatan atau *tiering* telah diperkenalkan pada tahun 2010, dengan sebuah HICoE diletakkan pada Tier 2, dan lima buah CoE diletakkan di Tier 3A, iaitu berPTJ sendiri.

Dengan langkah-langkah kitaran penambahbaikan yang telah dan akan diambil, maka inisiatif-inisiatif penyelidikan diharap akan berjalan lancar dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Lagi pun, langkah-langkah ini amat selari dengan cadangan YB Menteri Pengajian Tinggi yang telah mencadangkan agar semua IPTA di Lembah Kelang bekerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan yang ada untuk mempertingkatkan penghasilan penyelidikan di dalam negara.

Merujuk kepada kerangka besar enrolmen pelajar serta bagi tujuan memupuk kampus berintensif penyelidikan, pihak pengurusan tertinggi UiTM akan melihat kembali skop persempadanan UiTM Shah Alam. Sasaran enrolmen pasca siswazah bagi Kampus Induk Shah Alam adalah diunjurkan seramai 20 ribu orang pelajar menjelang 2015.

Pada masa yang sama, polisi-polisi berikut turut dicadangkan iaitu nisbah pelajar pasca-siswazah berbanding pelajar pra-siswazah di Shah Alam Seksyen 1 pada kadar 70:30. Nisbah semasa ialah 10:90. Pengekalan polisi pelajar S&T berbanding bukan S&T pada kadar 60:40, dengan nisbah semasa berkedudukan 42:58, serta polisi nisbah pelajar Diploma:Sarjana Muda:Pasca-Siswazah Sepenuh masa pada kadar 50:45:5. Keadaan semasa adalah 55:42:3.

Selain itu, pengurangan pengambilan pelajar sepenuh masa bukan S&T adalah berdasarkan populariti program. Kita harus menerima hakikat bahawa program yang tidak lagi popular perlu dikaji semula, sama ada bagi tujuan *re-branding* atau digugurkan. Hal ini penting agar kebolehpasaran graduan akan dipertingkatkan, dan graduan UiTM mencapai sasaran pengangguran sifar.

Hari ini saya amat sukacita untuk memaklumkan bahawa bagi kemasukan ke IPTA untuk program kedoktoran dan sarjana untuk tahun 2011, UiTM telah melakar sejarah sebagai IPTA yang mencatatkan pendaftaran pelajar pasca-siswazah baru yang tertinggi sekali. Dengan peningkatan 88% berbanding tahun sebelumnya, prestasi ini mengalahkan pencapaian universiti-universiti lain termasuk Universiti APEX dan penyelidikan. Lantaran itu juga, bagi data kedudukan enrolmen pelajar pasca-siswazah, UiTM kini menduduki tempat ketiga di belakang UPM dan UM. Syabas kepada IPSis, dan saya harap kejayaan ini akan memacu semangat kita semua agar sasaran 20 ribu pelajar pasca-siswazah dicapai lebih awal daripada sasaran asal kita iaitu tahun 2015.





Dewan Agong Tuanku Canselor

# PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET

Demi menghadapi enrolmen pelajar yang bakal mencecah 200 ribu orang, tumpuan akan diberikan kepada penggunaan sumber secara cekap dengan strategi yang bersifat pemboleh upaya atau pemangkin. Kampus-kampus PFI sedang rancak dibangunkan mengikut jadual meliputi Kampus Tapah, Kampung Pinang di Samarahan, Seremban 3, Jasin, Puncak Alam 3, Rembau, Raub, Pasir Gudang dan Mukah. Selain itu, infrastruktur tertentu akan juga dibina menerusi konsep PFI-S, misalnya menerusi pembangunan semula Kolej Jati dan Meranti, selain pembinaan Edu Eco Complex di Kampus Induk nanti.

Projek-projek PFI ini akan melalui rejim penyeliaan prestasi yang ketat bagi memastikan kesemuanya berjalan seperti dirancang sama ada dari sudut pembinaannya mahupun penempatannya kelak. Usaha ini akan turut didokong oleh Pusat Perancangan Strategik menerusi inisiatif UePMO di mana ianya akan diperluaskan secara berperingkat ke Kampus-Kampus Cawangan.

Selain itu, kajian-kajian impak terhadap penggunaan ruang dan projek infrastruktur secara optimum akan juga digerakkan oleh PPS menerusi beberapa inisiatif tertentu misalnya Physical Development Outcome, Go Borneo, PI-UePMO dan FEESKO.

Saya minta semua Rektor Kampus-Kampus Negeri menubuh atau memperkemaskan Unit Perancangan Strategik (UPS) masing-masing untuk bekerjasama rapat dengan PPS dalam perancangan strategi tuan-tuan.

Berkaitan Projek-projek Kampus PFI, saya pohon perhatian semua tentang perkara-perkara dasar yang telah dipersetujui, iaitu, bahawa; Pertama, keluasan semua pembinaan projek-projek PFI adalah terhad; Kedua, pengubahsuaian selepas pembinaan tidak dibenarkan; Ketiga, semua ruang mesti digunakan secara optimum; Keempat, semua ruang perlu digunasama; Kelima, kampus perlu diisi sepenuhnya sebaik sahaja diserahkan, dan, Keenam, kerja-kerja penyelenggaraan selepas pembinaan dijalankan oleh pihak konsesi dan dipantau oleh staf Bahagian Pengurusan Fasiliti.

Dalam konteks PFI, saya juga ingin menekankan polisi pembinaan kolej kediaman sebanyak 75% daripada kapasiti akademik. Buat masa sekarang peratus ruang dalam kolej kediaman adalah pada tahap 61%. Hal ini amat penting bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan anak-anak kita, terutamanya pelajar wanita.

Sebagai persediaan kepada projek-projek PFI yang bakal siap, strategi ‘kampus transit’ perlu digariskan. Kaedah pelaksanaan konsep kampus transit perlu diterima pakai dengan ketetapan berikut iaitu: pertama, mengenal pasti kampus transit berdasarkan program yang akan ditawarkan dan lokasi terdekat kampus PFI; kedua, mengenal pasti bilangan pelajar yang akan ditransitkan;

dan ketiga, membuat pemakluman awal kepada pelajar bahawa mereka akan dipindahkan ke penempatan baru.

Sila ambil maklum, bahawa program akademik baru yang belum diluluskan pada tahun 2012 tidak boleh ditawarkan di kampus PFI. Juga, sila ambil perhatian, hal-hal pentadbiran perlu dibereskan agar penempatan pensyarah dan kakitangan di kampus-kampus PFI berlaku dengan licin dan selesa.

Sebagai tindakan susulan, saya bersetuju dengan pembentukan DUA buah jawatankuasa bagi menyelaras isu-isu berkaitan siapnya projek-projek PFI, iaitu:

Pertama, ialah Jawatankuasa Bertindak Penawaran Program Akademik di Kampus PFI, dengan terma rujukan untuk menyelesaikan pelbagai isu berkenaan penawaran program pengajian.

Kedua, Jawatankuasa Bertindak Mobiliti Staf di Kampus PFI, dengan terma rujukan untuk melihat isu-isu kakitangan yang terlibat.

Dari sudut pembudayaan teknologi hijau di seluruh sistem universiti, saya merasa bangga kerana telah mula nampak kesedaran di sebahagian Kampus Negeri dan Fakulti tentang perlunya menjaga alam sekitar. Dua cabaran utama yang perlu ditangani oleh setiap PTJ adalah mengurus sumber khazanah universiti secara berhemat di samping mengoptimumkan potensi sumber ekonomi secara mampan.

Pejabat Pengurusan Fasiliti umpamanya telah pun memulakan projek rintis pemasangan 100 unit lampu cekap tenaga jenis LED. Bersekali dengan inisiatif-inisiatif seumpamanya di lain-lain Bahagian termasuk Kampus-kampus Negeri, saya yakin kita bukan sekadar dapat menjimatkan tenaga dan perbelanjaan, malahan kita boleh mewariskan kampus ikonik yang lestari untuk generasi akan datang. Saya minta Jawatankuasa Kecekapan Tenaga yang dipengerusikan oleh TNC Penyelidikan dan Inovasi terus merangka langkah-langkah yang praktikal demi mencapai matlamat tersebut.

Kita menyedari hakikat bahawa pengintegrasian infrastruktur ICT pada keseluruhannya akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan pertindihan dan menambahbaik kecekapan. Ini terbukti dari pengurusan dan penyelenggaran berpusat bagi infrastruktur yang dikongsi bersama, contohnya penyelesaian aduan secara berpusat menerusi eAduan Fasiliti. Sememangnya, telah banyak pencapaian penting direkodkan oleh Pejabat InfoTech pada tahun lepas khususnya dari sudut meningkatkan kecekapan dalam perolehan dan pengurusan ICT.

Pejabat InfoTech yang telah dijenamakan semula dari nama lamanya Pusat Sumber Maklumat Bersepada atau PSMB, perlu melipatgandakan usaha untuk terus memperkasa keboleh upayaan sistem rangkaian UiTM. Kesemua ini perlu disokong oleh sistem operasi keselamatan IT, pengurusan Pusat Data dan pemantapan sistem-sistem sokongan sedia ada merangkumi SIMS, STARS, Unit Sistem Teras dan Facilities Management System (FMS).

Saya minta InfoTech juga terus memperluaskan ruang liputan capaian *wireless*, memastikan tahap keselamatan sistem diperkuuhkan lagi dengan tindakan-tindakan yang bersesuaian, serta mengintegrasikan penggunaan modul-modul bersilang agensi atau sistem “e” sedia ada dengan yang baru dibangunkan. Sistem yang ada perlu dirasionalisasikan terutamanya yang mempunyai fungsi bertindih atau berulang ke arah berekabentuk antara muka atau inter-face yang bersifat mesra pengguna. Penambahbaikan tidak seharusnya berlaku di Kampus Induk Shah Alam sahaja tetapi mesti diperluaskan juga ke Kampus Negeri. Ini bermakna pihak InfoTech perlu berkerja rapat dengan lain-lain PTJ, khususnya Kampus-Kampus Negeri.

...persediaan kepada projek-projek PFI yang bakal siap, strategi ‘**kampus transit**’ perlu digariskan. Kaedah pelaksanaan konsep kampus transit perlu diterima pakai dengan ketetapan berikut iaitu:

- 1** mengenal pasti kampus transit berdasarkan program yang akan ditawarkan dan lokasi terdekat kampus PFI
- 2** mengenal pasti bilangan pelajar yang akan ditransitkan
- 3** membuat pemakluman awal kepada pelajar bahawa mereka akan dipindahkan ke penempatan baru.



Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM

# PERANAN CITU (Centre of Islamic Thought and Understanding)

Alhamdulillah, pada tahun ini semua kakitangan kerajaan diberi rezeki yang lebih. Oleh itu, apa kata, bagi kita yang layak, kita gunakanlah kemudahan berzakat di UiTM ini untuk membayar zakat. Selebihnya, bolehlah kita perbanyakkan sedekah dan wakaf.

Untuk pengetahuan hadirin, untuk tahun 2011, jumlah kutipan zakat di kampus UiTM Shah Alam, Kedah, Perak dan Pulau Pinang berjumlah RM5.7 juta. Daripada jumlah tersebut pihak Majlis Agama Islam Negeri masing-masing telah memberi izin kepada kita untuk agihkan 50% kepada warga yang berkelayakan. Seramai 4000 orang telah mendapat manfaat daripada program ini.

Kepada CITU saya berharap dapat bekerjasama dengan HEP untuk menangani pelbagai isu pelajar. CITU juga mesti kreatif mengadakan perancangan agar masjid di seluruh sistem UiTM dimanfaatkan sepenuhnya.

Saya minta CITU jangan memenculkan diri, malah bekerjasama dengan setiap fakulti untuk menjalankan pelbagai penyelidikan yang bersangkutan paut dengan Islam.

Selaras dengan kepesatan industri halal di peringkat nasional dan global, saya mahu CITU menerajui penubuhan Centre of Excellence for Halal Research and Training (HAREST) atau dalam Bahasa Melayunya Pusat Latihan dan Penyelidikan Halal. Dengan itu, saya pasti UiTM akan dapat menyumbang dengan lebih aktif lagi dalam industri halal negara dan dunia.

Pada tahun 2011, Senat dan Lembaga Pengarah Universiti, LPU, telah meluluskan program pengajian siswazah CITU iaitu Sarjana dan Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari yang akan dimulakan pada bulan Mei tahun ini. Saya juga berharap agar program Ijazah Sarjana Muda Muamalat dan Ijazah Sarjana Muda Sains dan Pengurusan Halal, yang telah diluluskan oleh BHEA dapat dilaksanakan pada tahun 2012 ini.

**...jumlah kutipan zakat di kampus UiTM Shah Alam, Kedah, Perak dan Pulau Pinang berjumlah RM5.7 juta.**

# PENUTUP

Saya juga ingin mengambil perhatian kepada beberapa perubahan yang berlaku dalam struktur dan perjawatan pentadbiran UiTM. Perubahan, penukaran, dan penggantian adalah amalan biasa dalam mana-mana pentadbiran. Ini semua bukan satu hukuman, tetapi adalah strategi untuk memacu organisasi mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

Lihat sahaja kepada perlawanan bolasepak antara Liverpool dan Manchester United pada malam Sabtu yang lepas. Kita tahu MU adalah pasukan yang kuat buat masa ini, dan dalam perlawanan itu menguasai hampir keseluruhan permainan. Tetapi, Kenny Dalglish telah membuat tiga pertukaran yang turut melibatkan ketua pasukannya. Akhirnya, Liverpool menang, 2-1.

Apa yang pengurus Liverpool itu buat ialah mengenal pasti pemain-pemain yang sudah keletihan, yang off-form, dan tidak lagi dapat menyumbang kepada pasukan, dan dia menggantikan mereka dengan pemain yang lebih segar, yang dapat menukar tempo dan corak permainan, serta dapat menaikkan semangat pasukan. Kepada yang diganti, mereka faham, dan tidaklah pula mereka merajuk, malah terus memberi sokongan moral kepada pemain-pemain yang lain. Tahniah lah Liverpool!

Jika kita lihat, UiTM mengamalkan pengurusan yang hampir sama dengan analogi yang saya berikan tadi. Saya amat berharap,

dengan taktik, teknik, dan kerja pasukan kita, ianya akan membawa kejayaan kepada pasukan kita, iaitu pasukan keluarga besar, UiTM.

Jika diperhatikan dan didengar dengan teliti, sepanjang perutusan saya hari ini, saya banyak menyebut perkataan KITA. KITA di sini membawa maksud KITA semua, warga UiTM secara bersepodu dalam semangat kekeluargaan yang tulen. KITA perlu bersatu, KITA perlu ikhlas, KITA mesti bersama-sama memastikan, dan membawa UiTM KITA ini maju lebih jauh ke hadapan, agar ianya disegani dan dihormati kawan. Jika KITA bersatu, negara akan gagah, Insya-Allah rezeki juga akan bertambah.

Bercakap tentang rezeki, kita sebagai penjawat awam, seharusnya bersyukur kepada Allah dengan rezeki yang diberi, dan berterima kasih kepada pihak kerajaan pusat yang telah memperkenalkan skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam atau SBPA. Walaupun buat masa ini ianya dalam peringkat kajian semula, namun SBPA menandakan satu pengiktirafan kepada kita, penjawat awam sekalian, yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara. Semoga pengkajian semula SBPA ini akan memberi manfaat dan rezeki yang lebih lagi buat kita semua.

Dengan rezeki yang lebih itu, datangkanlah tanggungjawab yang lebih besar, serta harapan dan pengharapan yang lebih tinggi. Semua ini adalah cabaran buat kita. Justeru, saya mengajak seluruh warga UiTM untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dengan bekerja lebih komited, yakin, dan bijaksana.

Dengan rezeki yang lebih juga, saya pasti ramai yang akan pergi menunaikan haji atau umrah dalam tahun ini dan tahun hadapan. Justeru, saya meminta, pihak Pendaftar dan HEA, terutamanya, agar dapat mengeluarkan satu formula bagaimana kakitangan UiTM dapat berangkat ke tanah suci dengan lebih ramai dan mudah lagi.

Di pihak kerajaan kita sudah nampak komitmen dan kehendak untuk melakukan pembaharuan serta penambahbaikan dalam segala aspek kehidupan masyarakat. Ini adalah kerana kerajaan sedar, setiap anggota masyarakat berkehendakkan kehidupan mereka dan anak cucu mereka nanti akan lebih baik dan terjamin.

Kita warga UiTM semuanya patut bersyukur kerana mempunyai kerajaan yang amat menyayangi universiti ini. Kita bertugas, bekerja, dan berbakti serta mencari rezeki di universiti ini. Jadi, saya merayu semua warga universiti, agar memastikan setiap keputusan dan tindakan kita adalah untuk memastikan kesinambungan UiTM ini agar terus wujud untuk membela nasib dan mengubah destini anak bangsa kita ke arah yang lebih gemilang.

Di peringkat UiTM, pihak pengurusan sentiasa berbincang dengan pihak kesatuan seperti MITASA, UTIMAS, dan KKU, bagi memastikan segala isu dan permasalahan ahli dapat ditangani secara berhemah. Oleh itu saya amat menggalakkan agar mana-

mana kakitangan UiTM yang belum menjadi ahli, mendaftarlah untuk menjadi ahli kesatuan yang berkenaan.

Tahun 2012 ini akan berlalu, dan dalam sedar atau tidak, tahun keramat 2020 akan menjelma. Masa itu nanti pencapaian dan sumbangan kita kepada negara akan dinilai oleh setiap anggota masyarakat. Berjayakah kita memainkan peranan dalam mencapai Wawasan 2020? Semuanya bergantung kepada PENYATUAN KITA.

Sebagai penutup kalimah, saya ucapkan terima kasih atas segala sokongan, dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan kepada universiti ini sepanjang dua tahun yang lepas saya menerajui universiti ini. Dengan itu saya mengajak sekalian hadirin untuk bersama-sama saya terus mengorak langkah, mempertajamkan tekad, dan terus ke hadapan memartabatkan universiti tercinta ini untuk MENGUBAH DESTINI ANAK BANGSA dengan MEMPERKASAKAN KECEMERLANGAN AKADEMIK UiTM. Semoga Allah memudahkan segala urusan dan ibadah kita, dan menunjukkan kita jalan yang lurus dan benar.

Sekian. Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.



Konsep, Rekabentuk & Terbitan:

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2, BANGUNAN CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

TEL : +603-55442102 FAX: +603-55442086

Uruscetak:  
Pusat Percetakan UiTM